

Headline	Saintis Frim terima anugerah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	38	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	139 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,767
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,300



Saintis Frim terima anugerah

KETUA Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Datuk Dr Abd Latif Mohmod, menerima Anugerah Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia (TRSM) daripada Akademi Sains Malaysia (ASM), sementara Pengarah Biodiversiti Hutan Frim, Dr Saw Leng Guan dilantik Felo ASM yang baharu.

Mereka menerima pengiktirafan masing-masing pada majlis Penganugerahan Felo 2013 kepada Ahli-ahli Sains yang terpilih yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Abd Latif menerima plak dan sijil pengiktirafan TRSM yang disampaikan

Presiden ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan sijil pengiktirafan Felo kepada Dr Leng Guan dan 18 ahli sains lain. Leng Guan dilantik bagi kategori "Taksonomi Tumbuhan dan Ekologi".

Abd Latif adalah saintis Frim pertama menerima Anugerah TRSM sebagai pengiktirafan sumbangan dan usaha beliau yang konsisten dalam penyelidikan perhutanan.

Projek TRSM dilancarkan pada 2012 merupakan sebahagian daripada usaha ASM untuk memupuk budaya kecemerlangan dalam



Abd Latif (kanan) menerima plak dan sijil TRSM daripada Tajuddin.

bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).

Ia juga bertujuan memberi pengiktirafan dan mempamerkan pencapaian

saintis penyelidikan Malaysia yang telah memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.